

Kajian Literatur Kesan Pengembangan Latihan Dalam Talian melalui Integrasi Teori Komunikasi Islam dan Teori Emosi Paul Ekman terhadap Latihan yang Berkesan

Literature Review on the Effects of Online Training Development through the Integration of Islamic Communication Theory and Paul Ekman's Emotion Theory on Effective Training

Afnan Abdulfatah* dan Azharuddin Hashim

Faculty of Management & Muamalah, Universiti Islam Selangor, Malaysia

**Penulis koresponden: afnanabulfatah@gmail.com*

ABSTRAK

Dalam era digital yang terus berkembang, aplikasi latihan dalam talian menjadi kaedah alternatif dalam meningkatkan keterampilan dan pengetahuan manusia. Walaupun kaedah ini menjadi terkenal kerana ia menawarkan peluang untuk mengikuti pelbagai jenis program latihan serta mempelajari ilmu tanpa batas geografi, perkara yang menjadi persoalan utama adalah tentang keberkesanan program latihan tersebut. Penelitian ini akan mengkaji adakah komunikasi yang berkesan akan memberikan impak terhadap keberkesanan program latihan tersebut. Kajian ini bertujuan untuk memberikan pandangan serta potensi dengan mengintegrasikan teori-teori Islam dan barat dalam keberkesanan program latihan. Dalam kajian ini, penyelidikan kualitatif digunakan dengan pengumpulan data melalui pembacaan penyelidikan lepas. Data dikumpul secara triangulasi bagi meningkatkan kesahan data. Hasil kajian mendapati bahawa integrasi kedua-dua teori ini mampu meningkatkan lagi keberkesanan program latihan terutama dalam aspek komunikasi di antara kedua-dua belah pihak semasa sesi latihan. Hasil kajian ini diharap dapat memberikan maklumat untuk mengenal pasti ekspresi emosi dan pemahaman tentang tindakbalas emosi dalam sesi latihan. Ianya juga diharap akan memberikan pemahaman yang lebih mendalam tentang penerapan Teori Komunikasi Islam dan Teori Emosi Paul Ekman semasa sesi latihan dalam talian.

Kata kunci: Latihan Dalam Talian; Latihan yang Berkesan

Received:
Nov 21, 2023

Accepted:
Nov 24, 2023

**Online
Published:**
Nov 30, 2023

ABSTRACT

In the digital era, online training has gained popularity as an alternative to improve knowledge and skills. The ability to access knowledge from anywhere in the world is one of the main reasons why online training has become so popular. However, many people are still not sure how beneficial these online training really are. The purpose of this study is to determine if good communication affects the effectiveness of the training program. This study aims to shed light on how Islamic and Western theories, specifically Paul Ekman's theory of emotion and Islamic communication theory, could be integrated to increase the effectiveness of training programs. Using qualitative research methodology, data is collected by reviewing previous studies. To improve the veracity of the data, it is triangulated. The findings of the study suggest that the incorporation of both Paul Ekman's theory of emotion with Islamic communication theory can further improve the effectiveness of the training program, especially in communication between instructors and trainees during the session. The findings of the study are expected to offer guidance for recognizing emotional displays and understanding emotional responses during training.

Keywords: *Online training; Effective training*

PENGENALAN

Bermulanya Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0) pada abad ke 21 memberikan impak secara langsung kepada teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) (Lumineau et al., 2023). Seiring dengan itu, Lumineau et al. (2023) juga menyatakan ICT telah menggalakkan perubahan ketara pada pelbagai bidang bagi mengadaptasi IR 4.0 ini. Hal ini juga termasuk dalam bidang latihan dan pembangunan (Adner et al., 2019). Penularan wabak pandemik Covid-19 menyebabkan pertumbuhan yang menggalakkan serta dunia seolah-olah terus mengadaptasikan IR 4.0 dalam kehidupan mereka dengan lebih cepat (Pandey, 2023).

Latihan dan pembelajaran secara dalam talian yang terawal adalah pada tahun 1728 di Amerika Syarikat bagi mempelajari teringkas melalui pos (Tang, 2021), manakala di England pula, Sir Issac Pitman juga memperkenalkan kursus teringkas pada 1840 (Liberona et al., 2023). Bermula tahun 2000 dengan berkembangnya penggunaan komputer dan internet, kaedah latihan dan pembelajaran secara dalam talian mula berkembang melalui penggunaan rakaman video dan cakera padat (CD) namun menjadi pilihan terakhir pada waktu itu (Ametova dan Mustafoeva, 2020). Kaedah ini dijalankan bagi mengatasi cabaran dari segi kemudahan infrastruktur yang terhad, kekangan masa serta menjimatkan lagi kos berbanding dengan latihan dan pembelajaran secara bersemuka.

Kamaludin dan Sundarasan (2023) menyatakan apabila munculnya Covid-19 pada tahun 2020, kaedah latihan dan pembelajaran secara dalam talian telah dilihat sebagai salah satu kaedah alternatif bagi memastikan program latihan dan pembangunan organisasi tetap berjalan seperti biasa. Dalam masa yang sama juga, syarikat-syarikat penyedia latihan juga menawarkan pelbagai jenis program secara dalam talian kepada orang ramai (Costa Dias et al., 2020). Lanjutan itu juga, Costa Dias et al. (2020) mendapati, semasa menjalankan kaedah latihan dan pembelajaran secara dalam talian, terdapat pelbagai cabaran yang dihadapi oleh

jurulatih, pengajar dan juga peserta program tersebut, terutama melibatkan keberkesanan latihan dari segi komunikasi dan penerimaan kaedah ini. Oleh yang demikian, kajian bagi mencari pengurusan latihan dalam talian yang efektif dan berkesan merupakan usaha berterusan bagi mencari kaedah dan jalan yang sesuai untuk keberkesanan latihan dalam talian itu sendiri (Dhawan, 2020).

Selain itu juga, dalam usaha bagi mengadaptasikan perubahan yang cepat dan mendadak ini, terdapat cabaran bagi segolongan manusia dalam penyesuaian diri dengan perubahan ini (Dzarib & Othman, 2021). Bagi mendapatkan kefahaman bagaimana otak manusia mampu mengadaptasi dengan perubahan mendadak ini, perbincangan berkaitan *Neuroplasticity* serta aplikasi Teori Komunikasi Islam dan Teori Emosi Paul Ekman akan diadaptasi dalam penyelidikan ini untuk menjelaskan kemampuan otak manusia menerima dan beradaptasi dengan perubahan tersebut (Abdullah et al., 2021; Djamdjuri et al., 2021; Gu et al., 2019; Karima, 2021; Pise et al., 2022).

SOROTAN LITERATUR

Menurut Yusoff (2016), perbezaan ketara di antara teori komunikasi Islam dan barat adalah teori barat lebih fokus kepada andaian pada individu, penekanan kepada kaedah mengekspresikan diri dan apakah tujuan komunikasi, manakala teori Islam menekankan nilai-nilai kepentingan umum, keadilan dan persefahaman. Selain itu, Yusoff (2016) juga mendapati terdapat empat (4) perkara yang menjadi penekanan dalam komunikasi namun mempunyai fokus yang berbeza seperti Jadual 1 berikut:

Jadual 1: Rumusan Perbezaan Teori Komunikasi Islam dan Teori Komunikasi Barat

No	Perkara	Teori Komunikasi Islam	Teori Komunikasi Barat
1	Saling Memahami	Nilai keadilan, kesetaraan dan saling mengerti	Pemahaman individu dan pendekatan yang lebih ekspresif
2	Kepercayaan	Ikatan sosial, ketulusan dan keadilan	Pembuktian dan konsistensi perilaku
3	Tanggungjawab	Kepedulian dan keperihatinan serta tanggungjawab sosial dan moral	Bertanggungjawab atas tindakan dan kata-kata mereka
4	Cara Penyampaian	Nilai-nilai kesantunan, etika dan penghormatan terhadap orang lain	Kejelasan, kecekapan penyampaian dan ekspresi peribadi yang kuat


Sumber: Kajian Penyelidikan

Seterusnya Rosli et al. (2022) menggariskan untuk memastikan keberkesanan latihan dan pembelajaran secara dalam talian, adalah menjadi tanggungjawab bersama di antara jurulatih atau pengajar serta peserta untuk berinteraksi dengan lebih kerap dalam beberapa perbincangan yang aktif dan spontan untuk mewujudkan persefahaman serta penyelesaian untuk terus berkomunikasi. Manakala Djamdjuri et al. (2021) menambah pendekatan pelbagai elemen komunikasi dalam latihan dan pembelajaran secara dalam talian akan mewujudkan suasana dan pengalaman pembelajaran yang lebih menarik dan menyeluruh.

Selain itu, Roudlotul Hikamah et al. (2021) juga menjelaskan pentingnya kaedah komunikasi dalam latihan dan pembelajaran secara dalam talian. Antara yang dibincangkan adalah kaedah menggalakkan perbincangan secara berkesan, mendengar dengan aktif di samping peranti yang membantu meningkatkan kualiti audio dan video juga membantu dalam mewujudkan suasana pembelajaran yang menarik seperti dalam sesi latihan bersemuka. Abid et al. (2021) juga sependapat bahawa pentingnya mencapai sesi pembelajaran yang berkesan serta penggunaan teknologi yang baik untuk mencapai latihan dan pembelajaran secara dalam

talian yang baik. Jadual di bawah menunjukkan unsur-unsur komunikasi yang memberikan impak yang lebih tinggi ketika sesi latihan dan pembelajaran.

Jadual 2: Perbandingan Markah Bagi Kemahiran Kebolehan Komunikasi Dalam Talian.



Sumber: Kajian Penyelidikan

Dalam kajian Ha dan So (2023) dan Lee et al. (2021) berpendapat bahawa emosi peserta dan jurulatih atau pengajar sangat mempengaruhi suasana latihan dan pembelajaran secara dalam talian jika sesi latihan tersebut dipenuhi dengan emosi-emosi yang positif seperti kegembiraan, keseronokan dan semangat, para peserta juga akan merasakan perasaan tersebut, walaupun dalam latihan berbentuk *asynchronous*. Oleh itu, Lee et al. (2021) mencadangkan setiap peserta dan jurulatih atau pengajar haruslah mempunyai tingkat kepercayaan diri yang tinggi bagi mewujudkan suasana yang positif dalam sesi latihan dalam talian tersebut. Manakala Berweger et al., (2022) pula menambah kaedah latihan yang dijalankan, bahan latihan yang digunakan serta kebolehan untuk menarik peserta mengambil bahagian dalam sesi latihan tersebut juga mampu meningkatkan lagi suasana yang positif pada sesi latihan dan pembelajaran secara dalam talian.

Bagi teori komunikasi dalam Islam pula, dalam Al-Quran, Surah Al-Ahzab, ayat 21 yang bermaksud:


Sesungguhnya telah ada pada (diri) Rasulullah itu terdapat contoh teladan yang baik bagimu (iaitu) bagi orang yang mengharap (rahmat) Allah SWT dan (kedatangan) hari kiamat dan dia banyak menyebut Allah.

Ezzuddin (2020) telah menyenaraikan beberapa ciri Rasulullah SAW yang perlu dijadikan contoh teladan kepada manusia berkaitan cara berkomunikasi iaitu, sentiasa memperlihatkan kejujuran, kesabaran dan kasih sayang setiap kali ketika berkomunikasi serta sentiasa berkomunikasi sesuai dengan peribadi seseorang itu serta situasinya. Selain itu, Ezzuddin (2020) juga menambah bahawa setiap tutur bicara Rasulullah SAW sentiasa memperlihatkan

kelembutan dan kebijaksanaan Baginda dengan memilih kata-kata yang baik serta tidak menyakiti hati dan perasaan orang lain.

Manakala Karima (2021) menambah bahawa teori komunikasi Islam dapat membentuk peribadi peserta program latihan dalam talian dengan mengadaptasikan teori komunikasi Islam ini kerana teori komunikasi Islam ini mengajar kaedah untuk berbicara dengan sopan serta menghormati orang lain. Melalui teori ini juga, mengajar untuk mendengar dengan perhatian dan empati agar ilmu yang disampaikan dapat diterima, difahami dan diaplikasikan dengan baik. Tahir (2022) pula membahaskan berkenaan pentingnya adaptasi teori komunikasi Islam sesuai dengan individu, tempat serta persekitaran komunikasi berlaku, termasuk semasa sesi latihan dalam talian. Tahir (2022) berpendapat bahawa teori komunikasi ini membantu dalam menjaya sesi latihan dalam talian kerana kedua-dua belah pihak, iaitu peserta dan juga pengajar dapat meningkatkan keterampilan komunikasi mereka dan seterusnya mewujudkan suasana latihan dalam talian yang lebih selesa, harmoni dan berimpak tinggi.

Menurut Bizzi dan Labban (2019), organisasi perlu mengambilkira penggunaan bahasa dan budaya ketika berkomunikasi semasa sesi latihan dan pembelajaran secara dalam talian. Dengan mengaplikasikan teori komunikasi Islam dan teori emosi Paul Ekman, penyelidik berpendapat bahawa peserta akan mengalami pengalaman latihan dalam talian yang lebih efektif dan menyenangkan. Ini adalah dengan memastikan sesi latihan dan pembelajaran secara dalam talian dijalankan dengan menekankan sesuatu pesan itu haruslah disampaikan secara menyentuh emosi para peserta latihan (Wardati & Er, 2019). Seterusnya Maqableh et al., (2023) mendapati bahawa emosi-emosi yang dizahirkan semasa sesi latihan dan pembelajaran secara dalam talian juga memainkan peranan dalam mewujudkan suasana latihan dan pembelajaran yang berkesan. Secara umumnya, manusia menzahirkan tujuh emosi yang sama seperti Rajah 1 di bawah.




Rajah 1: 7 Jenis Emosi Yang Dizahirkan Oleh Manusia

Sumber: <https://www.paulekman.com/universal-emotions/>

Perbincangan lanjut juga yang telah diketengahkan oleh Meacham (2023) dan Zandstra (2021) yang menyatakan bahawa emosi adalah komponen yang perlu diambil kira dalam pembelajaran serta ketika mempengaruhi otak manusia untuk memproses maklumat. Ketika sesi latihan dalam talian, Meacham (2023) dan Zandstra (2021) bersepakat bahawa adalah menjadi tanggungjawab jurulatih atau pengajar untuk menguruskan emosi para peserta dengan betul bagi memastikan keberkesanan program latihan dan pembelajaran secara dalam talian tersebut.

Paling utama ketika sesi latihan dan pembelajaran secara dalam talian dilakukan, para peserta perlulah membuka kamera mereka bagi membolehkan jurulatih atau pengajar mengetahui ekspresi yang dizahirkan oleh peserta terutama pada bahagian mata (Yamada et al., 2023). Selain daripada mata, dalam kajian lain pula, Yamada et al. (2023) mendapati bahawa pergerakan badan bersama dengan pergerakan yang berlaku di bahagian mata membolehkan pengajar memahami ekspresi seseorang dalam sesi latihan dalam talian. Manakala Baltrusaitis et al. (2018); Barros dan Sciutti, (2021) dan Wang et al., (2018) menyatakan bahawa Teori Emosi Ekman membolehkan manusia mengenal emosi-emosi yang dizahirkan oleh seseorang. Dengan mengenal emosi-emosi ini, program latihan dan pembelajaran secara dalam talian dapat dipertingkatkan lagi keberkesanannya dengan jurulatih dan pengajar berupaya berinteraksi dengan lebih baik dengan peserta mereka. Melalui Teori Emosi Ekman ini, pendedahan mengenali ekspresi pada wajah dengan membahagikan bahagian-bahagian pada muka kepada *Action Unit* (AU) dan memerhatikan setiap pergerakan yang ada padanya. Melalui AU ini juga, emosi yang dizahirkan juga akan lebih mudah dikenali, walaupun dizahirkan sekejap sahaja. Rajah 2 berikut menunjukkan AU yang dikaji dan diketengahkan dalam Teori Emosi Ekman.



© 2019 EIAGroup.com

Rajah 2: Pergerakan Otot-otot Pada Wajah Bagi Menzahirkan Perasaan Rajah


Sumber: <https://www.eiagroup.com/the-facial-action-coding-system/>

Latihan dalam talian

Skop latihan dan pembelajaran secara dalam talian ini adalah program-program latihan dan pembangunan yang disampaikan selain daripada cara bersemuka atau berhadapan, iaitu sama ada melalui platform digital atau internet (Scheiderer, 2020). Kaedah mengikuti latihan dalam talian ini boleh diadakan sama ada secara *synchronous* (langsung pada masa yang ditetapkan) atau *asynchronous* (mengikuti rakaman pada masa yang sesuai dengan peserta) (Scheiderer,

2020). Scheiderer (2020) juga menyatakan bahawa kedua-dua kaedah ini akan melibatkan penggunaan teknologi maklumat yang digabungkan dengan kaedah komunikasi bagi menyampaikan bahan latihan, mempunyai aktiviti yang interaktif atau satu hala, penilaian serta dibimbing oleh seorang pengajar yang pakar dalam bidang mereka. Jadual 3 di bawah menerangkan dengan lebih terperinci kelebihan serta persamaan bagi kedua-dua kaedah pembelajaran ini. Tidak kira sama ada *synchronous* atau *asynchronous*, kaedah latihan dan pembelajaran secara dalam talian ini mempunyai kelebihannya yang lain iaitu dapat diikuti oleh sesiapa sahaja tanpa batasan geografi, namun halangan utama adalah perlu memastikan mempunyai jaringan internet yang baik (Zheng et al., 2021).

Rajah 3: Asynchronous online classes vs Synchronous online classes.



Apakah itu latihan dalam talian


Scheiderer (2020) memperincikan bahawa latihan dan pembelajaran secara dalam talian atau juga dikenali sebagai e-Latihan adalah program latihan yang dijalankan melalui platform multimedia dan jaringan internet. Bahan-bahan latihan pula terdiri dalam bentuk digital seperti modul pembelajaran, video serta sumber-sumber bahan yang digunakan dalam sesi latihan tersebut (Scheiderer, 2020). Oleh kerana latihan dan pembelajaran secara dalam talian ini dijalankan melalui platform multimedia dan jaringan internet, terdapat juga interaksi dan juga penglibatan diantara tenaga jurulatih atau pengajar dan juga peserta (Zheng et al., 2021). Sama ada latihan dalam talian berbentuk *synchronous* atau *asynchronous*, terdapat satu sesi interaksi dua hala di antara peserta dan pengajar bagi membincangkan dan bertanya soalan-soalan yang berkaitan dengan latihan dalam talian tersebut (Scheiderer, 2020).

Walaupun, latihan dalam talian menawarkan pelbagai kelebihan, namun cabaran utama latihan dalam talian ini adalah jaringan internet yang tidak sama, dan ada kalanya tiada jaringan internet, terutama di kawasan pedalaman (Farooq et al., 2020). Selain daripada jaringan internet, peranti yang digunakan juga memainkan peranan besar dalam memastikan keberkesanan sesi latihan dalam talian. Limitasi peranti yang mungkin agak lama dan tidak menyokong sistem dan peranti lain yang lebih terkini menyebabkan kekangan dalam kualiti video dan juga audio semasa sesi latihan dalam talian tersebut (Abante et al., 2021).

Selanjutnya, bagi meningkatkan motivasi dan disiplin yang tinggi untuk mengikuti program latihan dengan baik, penambahbaikan dalam interaksi sosial perlu diberikan perhatian dalam latihan dan pembelajaran secara dalam talian ini selain daripada manfaat latihan dalam talian seperti pada Jadual 4 (Kanchana et al., 2023). Pemilihan strategi yang tepat yang dilakukan oleh pihak-pihak yang berkaitan ketika sesi latihan dan pembelajaran secara dalam talian

adalah satu keperluan yang perlu dilakukan. Selain daripada penyediaan infrastruktur yang baik bagi mengikuti perkembangan teknologi yang pesat, penyediaan mental dan fizikal bagi pengajar program latihan tersebut juga perlu bagi memahami bagaimana untuk menambahbaik interaksi sosial, motivasi dan disiplin para peserta program latihan dalam talian ini (Abante et al., 2021; Kanchana et al., 2023; Zheng et al., 2021).

Jadual 4: Manfaat Latihan dalam Talian.



Sumber: Kanchana J.D., et al., (2023)

Penyelidik mendapati, daripada kajian literatur yang telah dijalankan, kesemua literatur membincangkan dengan jelas berkenaan konsep latihan berbentuk *asynchronous* dan *synchronous* dalam kaedah latihan. Itu juga, para penyelidik mendapati bahawa latihan dan pembelajaran secara dalam talian menjadi semakin popular apabila berlakunya wabak Covid-19. Namun kesemua penyelidikan ini tidak membahaskan integrasi teori komunikasi bagi meningkatkan keberkesanan latihan dan hanya fokus kepada kekangan-kekangan yang berlaku ketika latihan dan pembelajaran dalam talian dilakukan.

Latihan yang berkesan

Kemahiran komunikasi sangat penting bagi memastikan penyampaian maklumat dan perkongsian idea serta ilmu dapat dijalankan dengan baik dan berkesan. Kemahiran komunikasi ini bukan sahaja terbatas kepada penyampaian maklumat sahaja, malahan ianya juga terkait dengan gerakan tubuh badan, intonasi suara serta kebolehan membawa peserta untuk mengikuti sepanjang sesi juga penting (Beege et al., 2020). Melalui kemahiran komunikasi juga, seseorang dapat membuat pendengar mereka untuk berubah sikap dan tabiat pendengar (Mata et al., 2021; Sari, 2021). Perubahan sikap dan tabiat ini akan dibincangkan dengan lebih lanjut pada bahagian neuroplastisiti yang akan dibincangkan nanti.

Sirah Baginda Nabi Muhammad SAW ketika menyampaikan dakwah merupakan satu latihan yang sangat berkesan kepada para sahabat kerana Baginda Nabi SAW sendiri menggunakan gaya serta bahasa yang baik sehinggakan ramai yang tertarik dengan ajaran Islam. Firman Allah SWT dalam Surah An-Nahl, ayat 125 yang bermaksud:

Serulah manusia ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) DENGAN HIKMAH dan berilah nasihat pengajaran yang baik dan berbahaslah dengan mereka dengan cara

yang baik. Sesungguhnya Tuhanmu jua yang lebih mengetahui orang yang mendapat hidayah.

Daripada ayat ini, jelas menunjukkan terdapat cara dan pendekatan yang tersendiri Baginda Nabi SAW dalam penyampaian Baginda yang perlu diambil dan digunakan dalam memastikan jurulatih dan pengajar dapat memberikan latihan yang berkesan. Elemen-elemen ini akan dikongsikan pada bahagian Teori Komunikasi Islam dalam penyelidikan ini.

Selain daripada kemahiran komunikasi yang dapat meningkatkan keyakinan dan keberkesanan serta perubahan sikap dan tabiat pendengar, ekspresi wajah juga memainkan peranan dalam memastikan keberkesanan latihan tersebut (Schneider et al., 2022). Selain daripada nada suara serta gaya bahasa yang digunakan oleh jurulatih dan pengajar, kebolehan mengenal serta mengetahui ekspresi wajah yang dizahirkan para peserta membantu dalam memastikan para peserta faham yang disampaikan disamping tidak merasa bosan dengan sesi pembelajaran tersebut (Keynan et al., 2022).

Neuroplastisiti

Neuroplastisiti adalah satu kajian yang merujuk kepada keupayaan sistem saraf manusia untuk berubah dan beradaptasi dan bertindakbalas kepada pengalaman dan persekitaran yang dilalui. Perkataan Neuro bermaksud sistem saraf atau otak manakala plastisiti adalah kebolehan untuk berubah dan beradaptasi. Menurut Ackerman (2018); Puderbaugh dan Emmady (2023), Neuroplastisiti adalah proses otak manusia dapat mengubah strukturnya, menghubungkan sel-sel otak untuk melalui jalan yang baru serta menyusun neuron-neuron otak untuk membentuk, menguatkan atau mengubah bagi membentuk jaluran-jaluran baru saraf bagi kesejahteraan manusia untuk menyesuaikan dan menerima perubahan-perubahan.

Bagi memperkuat pernyataan ini, Ackerman (2018); Landon-Murray dan Anderson (2013) menjelaskan, dalam masa yang sama, fungsi kognitif, perubahan sikap dan perilaku serta tabiat akan mula berubah sesuai dengan jaluran-jaluran baru saraf ini. Neuroplastisiti memainkan peranan dalam proses pembelajaran, pemulihan pasca kecederaan, rehabilitasi serta perkembangan otak sepanjang hidup. Perubahan ini dilakukan bagi mengelakkan kerosakan atau kecederaan pada otak manusia.

Menurut Schlaug et al. (2009), dalam latihan dalam talian, neuroplastisiti akan membantu latihan dalam talian melalui, pertama, dalam latihan kognitif, pembelajaran atau pemulihan dengan mengulang-ulang secara berterusan bagi membentuk laluan saraf yang lebih baik, komunikasi antara sel menjadi lebih kuat dan fungsi bahagian otak yang terlibat dapat ditingkatkan. Kedua, neuroplastisiti membantu bagi membolehkan individu menyesuaikan diri dengan keadaan sekeliling dengan cara otak menyesuaikan diri dengan cara baru interaksi, memproses maklumat dan menzahirkan emosi dalam suasana digital dan yang ketiga, ketika individu melibatkan diri secara berterusan dalam sesi latihan dalam talian, proses neuroplastisiti akan membentuk dan mengukuhkan laluan saraf yang berkaitan melalui kemahiran dan pengetahuan yang didapati.

Ackerman (2018) dan Schlaug et al. (2009) sepakat mengatakan bahawa Neuroplastisiti ini memainkan peranan dalam membina, membentuk serta mengekalkan laluan saraf untuk pengukuhan kemahiran dan beradaptasi dengan suasana yang baru. Ackerman (2018) juga menambah bahawa amat penting untuk mengadakan program latihan dalam talian yang berkualiti dan berimpak tinggi bagi membolehkan otak dapat menerima dan mengalami perubahan yang positif pada sel-sel dan saraf-saraf otak itu sendiri yang akan membawa

kepada pembelajaran dan perkembangan yang lebih berkesan. Namun Tymofiyeva dan Gaschler (2021) menyatakan hasil kajian masih terhad dan keperluan untuk kajian lebih lanjut untuk membuktikan kesan latihan ke atas neuroplastisiti.

Bagi menyokong keupayaan sistem saraf untuk berubah dan menyesuaikan diri kepada pengalaman latihan dalam talian, penyelidik akan mengintegrasikan dengan Teori Komunikasi Islam dan Teori Emosi Paul Ekman dengan konsep neuroplastisiti untuk perbincangan seterusnya.

Teori Komunikasi Islam

Dalam Teori Komunikasi Islam, penekanan terhadap aspek etika komunikasi ditekankan dalam membina hubungan yang lebih baik dan mesra di antara peserta dengan pengajar. Dalam teori komunikasi Islam, komunikasi bukan lisan juga ditekankan dalam Al Quran dan ianya juga penting seperti komunikasi lisan, sebagaimana firman Allah SWT dalam Surah Al-Ahzab, ayat 21 yang bermaksud:

Sesungguhnya telah ada pada (diri) Rasulullah itu suri teladan yang baik bagimu (iaitu) bagi orang yang mengharap (rahmat) Allah SWT dan (kedatangan) hari kiamat dan dia banyak menyebut Allah.

Di dalam Al Quran juga telah memberi panduan kaedah komunikasi yang baik yang perlu diamalkan dalam kehidupan seharian. Daripada ayat Al Quran Surah Al-Hujurat, ayat 11 yang bermaksud:

Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah sesuatu puak (dari kaum lelaki) mencemuh dan merendah-rendahkan puak lelaki yang lain, (kerana) harus puak yang dicemuhkan itu lebih baik daripada mereka; dan janganlah pula sesuatu puak dari kaum perempuan mencemuh dan merendah-rendahkan puak perempuan yang lain, (kerana) harus puak yang dicemuhkan itu lebih baik daripada mereka; dan janganlah setengah kamu menyatakan keaiban setengahnya yang lain; dan janganlah pula kamu panggil-memanggil antara satu dengan yang lain dengan gelaran yang buruk. (Larangan-larangan yang tersebut menyebabkan orang yang melakukannya menjadi fasik), maka amatlah buruknya sebutan nama fasik (kepada seseorang) sesudah ia beriman. Dan (ingatlah), sesiapa yang tidak bertaubat (daripada perbuatan fasiknya) maka merekalah orang-orang yang zalim.

Ajaran Islam telah menggariskan beberapa prinsip dan nilai-nilai komunikasi yang perlu diterapkan untuk memastikan suasana yang baik, selesa dan selamat dapat diwujudkan, terutama ketika sesi program latihan dalam talian dijalankan. (Mokhtar et al., 2021, Wan Ahmad dan Fazullah, 2022) menggariskan, antara prinsip and nilai-nilai komunikasi adalah seperti berikut:

i. Jujur dan terbuka

Pembicara haruslah berbicara dengan jujur dan terbuka bagi mengelak salah faham serta mewujudkan rasa prejudis daripada pendengar. Penyembunyian fakta dan maklumat serta pembohongan ketika berbicara dalam merosakkan komunikasi dan ianya juga memberikan impak yang besar, terutama ketika sesi latihan dalam talian. Allah SWT berfirman: “*Wahai orang-orang yang beriman!*

Bertakwalah kamu kepada Allah dan ucapkanlah perkataan yang benar. Nescaya Allah akan memperbaiki amal-amalmu dan mengampuni dosa-dosamu. Dan sesiapa yang mentaati Allah dan Rasul-Nya, sesungguhnya dia menang dengan kemenangan yang agung.” (Surah Al-Ahzab, ayat 70-71)

ii. Efektif dan berkesan

Menyampaikan pesanan, nasihat dan maklumat dengan jelas dan mudah kepada orang lain merupakan prinsip dan nilai komunikasi yang diterapkan oleh Islam. Elakkan menggunakan bahasa-bahasa yang terlalu tinggi ataupun istilah-istilah yang terlalu teknikal kerana ini akan membataskan aktiviti untuk membina hubungan mesra dan kepercayaan ketika sesi latihan dalam talian. Dikhuatiri juga, penggunaan perkataan yang tidak sesuai akan menyebabkan peserta menjadi kurang minat untuk mengikuti sesi latihan dalam talian tersebut. Sebagaimana Rasulullah SAW bersabda “*Barang siapa beriman kepada Allah dan hari Akhirat, hendaknya ia memuliakan tetamunya, dan barang siapa beriman kepada Allah dan hari Akhirat, hendaklah ia menyambung tali silaturrahim, dan barang siapa beriman kepada Allah dan hari Akhirat, hendaknya ia berkata baik atau diam.*” (Sahih Bukhari No: 5787)

iii. Menghindari unsur ghaibah

Unsur ghaibah atau mengumpat adalah perkara tercela dan sangat dilarang oleh ajaran Islam. Berbicara tentang perkara yang buruk tentang seseorang, mengata dan mengumpat serta menyebarkan fitnah adalah hal-hal yang merosakkan komunikasi. Sabda Rasulullah SAW “*Sesungguhnya kejujuran akan membimbing pada kebaikan, dan kebaikan itu akan membimbing ke syurga, sesungguhnya jika seseorang yang sentiasa berlaku jujur hingga ia akan dicatat sebagai orang yang jujur. Dan sesungguhnya kedustaan itu akan mengantarkan pada kejahatan, dan sesungguhnya kejahatan itu akan mengiring ke neraka. Dan sesungguhnya jika seseorang yang selalu berdusta sehingga akan dicatat baginya sebagai seorang pendusta.*” (HR Bukhari No: 5629)

Teori Emosi Paul Ekman

Dalam Teori Emosi Paul Ekman ini, fokus akan diberikan kepada emosi manusia dan ekspresi emosi yang dizahirkan dalam komunikasi tersebut (Yamada et al., 2023; Zheng et al., 2022). Melalui konteks latihan dalam talian, pemahaman emosi peserta yang dizahirkan adalah elemen penting yang perlu diambil perhatian oleh pengajar bagi memastikan emosi dan motivasi peserta dalam keadaan yang baik sepanjang sesi latihan tersebut (Yamada et al., 2023). Teori Emosi Paul Ekman akan membahaskan berkenaan jenis-jenis ekspresi yang ada serta otot-otot muka yang akan bergerak dalam menzahirkan sesuatu ekspresi (De Boer & Tolboom, 2023). Pengetahuan berkenaan ekspresi-ekspresi ini sudah tentunya membantu para pengajar mengetahui emosi peserta sepanjang sesi latihan tersebut (Ha & So, 2023).

Kajian yang dilakukan oleh Durac (2020) yang mengkaji unsur manipulasi yang telah dibuat oleh Ekman (2016) mendapati bahawa faktor-faktor psikologi seperti emosi, motivasi, persepsi dan keadaan diri dan persekitaran akan mempengaruhi kaedah seseorang itu berkomunikasi. Menurut Durac (2020), dengan memahami faktor-faktor psikologi yang baik dan berupaya mengawalinya akan membantu dalam menghasilkan suasana komunikasi yang lebih baik dan mesra yang dapat digunapakai ketika latihan dalam talian. Jabber dan

Mahmood (2020) menjelaskan bahawa komunikasi bukan lisan seperti bahasa tubuh, ekspresi wajah serta intonasi memainkan peranan penting dalam berbicara terutama jika melibatkan berlainan bangsa.

Melalui kajian yang telah dijalankan oleh Zhao et al. (2023), beliau telah menyatakan bahawa ekspresi mikro yang diperkenalkan oleh Ekman (2016) memainkan yang sangat signifikan dalam komunikasi kerana raut wajah dizahirkan oleh manusia akan memberi petunjuk apakah emosi yang dialami oleh mereka. Pernyataan ini disokong melalui kajian oleh Ban et al. (2023) melalui penelitian beliau terhadap responden-responden yang menyertai kajiannya. Dapatan yang diperolehi mendapati bahawa komunikasi bukan lisan memainkan peranan dalam interaksi di antara pelajar serta pengajar iaitu pergerakan tubuh, ekspresi wajah serta kontak mata mempunyai kaitan langsung dengan pemahaman, persepsi dan hubungan antara individu.

Sagliano et al. (2022) menjelaskan pentingnya wajah sebagai medium utama dalam komunikasi bukan lisan kerana wajah dapat memberikan pelbagai maklumat ketika berkomunikasi, sama ada melalui pergerakan otot pada muka, lipatan kulit dan perubahan bentuk, wajah akan mengungkapkan emosi yang dialami oleh individu tersebut. Maka, ketika latihan dalam talian, penampilan video yang jelas, sama ada peserta latihan mahupun pengajar amat penting bagi memastikan komunikasi dua hala akan berlaku. Berdasarkan kesimpulan daripada kajian yang telah dibuat oleh Maqableh et al., (2023), tahap penyertaan peserta dalam sesi latihan dan pembelajaran secara dalam talian dapat juga diukur daripada ekspresi yang dizahirkan oleh peserta sepanjang program. Jadual 5 berikut adalah beberapa perbincangan ringkas daripada beberapa kajian literatur yang membincangkan berkenaan integrasi teori-teori komunikasi Islam dan barat dalam sesi latihan dalam talian:

Jadual 5: Ringkasan Dapatan dan Aplikasi Penyelidikan dalam Mengintegrasikan Teori-teori Komunikasi Islam dan Barat.

No	Nama Penyelidik	Dapatan	Aplikasi dalam penyelidikan ini
1	Yusoff (2016)	Penyelidik membahaskan perbezaan diantara teori komunikasi Islam dan barat dan bagaimana komunikasi dapat digunakan dengan menerapkan kedua-dua teori tersebut	Artikel ini mendapati bahawa dengan menguruskan kaedah komunikasi yang berkesan dengan menggunakan teori komunikasi Islam dan barat menjadikan suasana komunikasi tersebut saling melengkapi antara satu sama lain
2	Rosli et al. (2022)	Penyelidik menganalisa bagaimana interaksi dua hala diantara pelajar dan pengajar dengan penelitian penerapan nilai-nilai Islam	Artikel ini memberikan pandangan bahawa latihan dalam talian menjadi lebih berkesan dengan mengambil kira kepentingan komunikasi yang menerapkan nilai-nilai Islam
3	Djamdjuri et al. (2021)	Penyelidik membuat analisa dengan menggunakan bahan-bahan multimedia seperti teks, gambar, video dan audio dalam latihan dalam taliannya	Artikel ini menyokong penggunaan multimedia dalam latihan dalam talian
4	Roudlotul Hikamah et al., (2021)	Penyelidik meneliti bagaimana komunikasi yang lebih berkesan dalam latihan dalam talian dengan berasaskan <i>Modified Problem-Based Learning</i> (PBL)	Artikel ini merumuskan bahawa komunikasi yang berkesan adalah penting bagi memastikan segala maklumat yang ingin disampaikan difahami oleh pendengar dalam sesi latihan dalam talian
5	Lee et al. (2021)	Pembahasan adakah emosi pengajar akan memberikan kesan dalam latihan berbentuk asynchronous	Artikel ini menyatakan bahawa terdapat kaitan yang signifikan diantara emosi pengajar dengan sesi latihan dalam talian

6	Ha dan So (2023)	Pembahasan berkaitan emosi peserta program dalam sesi latihan dalam talian melalui pengawalan emosi mereka	Artikel ini menekankan kepentingan pengurusan emosi para peserta dalam sesi latihan dalam talian bagi mewujudkan perasaan selamat dan selesa untuk meningkatkan minat sesi latihan tersebut
---	------------------	--	---

Sumber : Penyelidik

METODOLOGI

Penyelidik menjalankan pengumpulan data melalui pembacaan penyelidikan lepas daripada beberapa artikel yang diperolehi daripada *Google Scholar*, *Scopus*, *ScienceDirect* dan *IEEE Xplore* yang berkaitan dengan cadangan-cadangan penambahbaikan latihan berbentuk *synchronous* dan *asynchronous*. Selain itu, melalui pembacaan penyelidikan lepas ini juga ada mencadangkan untuk meneroka kaedah penyampaian berkesan melalui aplikasi kaedah komunikasi berkesan dan komunikasi bukan lisan Islam dan barat. Sepanjang pengumpulan data dilakukan, penyelidik mengikuti protokol kajian yang digunakan untuk meneroka, menemui dan mengembangkan kajian yang dijalankan serta memastikan bahawa setiap ulasan-ulasan yang dibuat tidak akan terdorong dengan kecenderungan penyelidik.

Pengumpulan data bagi kajian ini juga merangkumi kaedah carian melalui beberapa kriteria terpilih bagi memastikan penyelidikan yang menyeluruh berdasarkan disiplin kajian latihan berbentuk *synchronous*, *asynchronous*, komunikasi Islam dan barat dilakukan semasa pengumpulan data-data. Ini termasuk langkah-langkah mengenalpasti dan memilih kata-kata kunci serta terma-terma carian yang berkaitan serta relevan dengan kajian yang dibuat, pemilihan pengkalan data yang mengandungi maklumat yang terpilih serta mengubahsuaikan kata kunci-kata kunci dalam strategi carian. Data-data dikumpul secara triangulasi bagi meningkatkan kesahan data yang dikumpul.

KEPUTUSAN

Supriadi et al., (2023) menyatakan bahawa komunikasi dalam penyampaian ilmu didapati berkesan dari segi kredibiliti penyampai, namun penggunaan gaya dan pola bahasa yang lebih santai perlu diketengahkan untuk memastikan ilmu tersebut difahami dengan baik oleh pendengar. Manakala Ridha dan Rubino, (2023) pula mendapati bahawa ada kalanya, kaedah penyampaian masih lagi terhad dan belum cukup kreatif bagi memastikan penyampaian yang diberikan lebih kreatif serta mampu menarik minat pelbagai lapisan umur pendengar. Dalam kajian oleh Octafiona et al., (2022), menegaskan bahawa kebolehan berucap yang terbatas oleh jurulatih dalam penyampaian ilmu, terutama di dalam talian merupakan elemen penting yang harus diutamakan bagi memastikan penyampaian ilmu tersebut dibuat secara berkesan. Pernyataan ini disokong oleh Aini dan Don, (2022) yang juga menegaskan bahawa perlunya mempelbagaikan pendekatan penyampaian dengan mengaplikasi teknik komunikasi bukan lisan untuk keberkesanan jangka panjang.

Islam telah menggariskan kaedah komunikasi sebagai perkara penting dalam penyampaian dakwah serta ajaran Islam daripada para Anbiya' kepada umat sejak dahulu lagi. Dalam sirah dakwah para Anbiya' juga meriwayatkan bagaimana para Anbiya' menggunakan kaedah komunikasi yang baik dengan bimbingan Allah SWT dalam menyampaikan risalah Allah kepada umat mereka agar mereka lebih faham apakah yang disampaikan oleh para Anbiya' ini, sesuai dengan sifat manusia sebagai makhluk yang mempunyai kemampuan berkomunikasi. Penggunaan kaedah komunikasi Islam yang bersifat jujur dan terbuka, efektif

dan berkesan serta menghindari unsur ghaibah mensyaratkan setiap komunikasi itu harus memberi makna dan kesan yang positif kepada masyarakat.

Tambahan pula dengan mengintegrasikan dengan Teori Emosi Ekman, penyampaian ilmu yang diberikan diharapkan agar ianya lebih bersifat positif serta ikhlas dalam membantu dalam meningkatkan kecekapan dan kemahiran, khususnya kepada para peserta program latihan dan pembelajaran secara dalam talian dengan mewujudkan suasana yang baik dan mesra bagi menggalakkan pertukaran ilmu, idea serta pengalaman dijalankan dengan suasana yang kondusif dan selesa bagi kedua-dua belah pihak.

Selain itu, didapati bahawa dengan mengintegrasikan teori-teori komunikasi Islam dan Barat dalam program latihan dalam talian mampu memberikan kesan yang positif dalam memastikan keberkesanannya. Antara kesan ketara adalah penyampaian ilmu secara digital yang selari dengan adab dan etika Islam selain daripada memperluaskan capaian peserta tanpa batas sempadan. Namun, beberapa perkara perlu diberikan perhatian dalam membentuk modul latihan dalam mengintegrasikan kedua-dua perspektif teori ini secara bersepadu, serta disusuli dengan pengalaman serta aplikasi penyampaian yang baik yang dilakukan oleh jurulatih melalui Teori Emosi Ekman.

Secara keseluruhannya, gabungan teori Islam dan barat secara baik dan seimbang sangat bermanfaat untuk mempertingkatkan latihan dalam talian terutama dari segi komunikasi bukan lisan serta dalam masa yang sama, membantu dalam meningkatkan kesan dan jangkauan dakwah kepada masyarakat dari pelbagai latar belakang agama dan budaya.

KESIMPULAN

Wabak Covid-19 telah mengubah suasana latihan, bukan sahaja di Malaysia, malahan di seluruh dunia. Covid-19 juga telah menjadikan kaedah latihan banyak dijalankan secara latihan dalam talian dan menjadi semakin popular serta menjadi pilihan bagi kebanyakan organisasi dan peserta kerana latihan dalam talian mempunyai banyak kelebihan seperti dapat diikuti di mana sahaja, lebih murah serta mempunyai lebih luas pilihan program. Namun, antara halangan yang menjadi perkara utama dalam kaedah latihan dalam talian ini adalah capaian internet, penggunaan peranti yang sesuai dan kaedah penyampaian latihan dalam talian. Penyelidikan ini lebih menumpu pada aspek kaedah komunikasi dan penyampaian serta pengurusan emosi bagi kedua-dua pihak dalam sesi latihan dalam talian. Penyelidik mendapati bahawa dengan memahami konsep *Neuroplasticity* dan mengintegrasikan teori komunikasi Islam dan barat, iaitu Teori Komunikasi Islam dan Teori Emosi Paul Ekman dalam setiap sesi latihan dalam talian mampu menjadikan sesi latihan lebih berkesan dan menarik serta mencapai objektifnya. Penekanan aplikasi komunikasi dalam latihan dalam talian ini menekankan penampilan raut wajah yang baik, menggunakan kosa kata-kosa kata yang baik dan seronok didengar serta mempunyai sikap dan minda yang terbuka dalam sesi latihan dalam talian tersebut mampu memberikan impak yang baik dan positif serta membolehkan kedua-dua pihak saling belajar dan mempelajari sesuatu di antara satu sama lain.

Penyelidik mencadangkan agar penyelidikan ini dibuat kepada sampel yang lebih luas dan juga beragam bagi menguji keberkesanan latihan dalam talian dengan integrasi Teori Komunikasi Islam dan Teori Emosi Paul Ekman di kalangan populasi yang lebih besar. Disamping itu juga, penyelidik mencadangkan untuk membuat analisa perbandingan diantara latihan dalam talian yang menggunakan kedua-dua teori ini dengan latihan dalam talian yang tidak menggunakan teori-teori ini.

Sebagai rumusan, kajian ini memberikan pemahaman yang lebih baik bagaimana teori-teori ini diaplikasikan untuk meningkatkan keberkesanan latihan dalam talian disamping memberi maklumat kepada jurulatih serta pengajar bagaimana untuk mengintegrasikan teori-teori dalam menjalankan latihan dalam talian.

PENGHARGAAN

Penyelidikan ini adalah sebahagian daripada penulisan tesis Ph.D di Universiti Islam Selangor. Penerbitan kajian ini adalah sebahagian daripada syarat untuk melengkapkan pengajian tersebut. Segala sumbangan dan bantuan yang diterima sepanjang proses kajian ini dijalankan amat dihargai.

RUJUKAN

- Abante, A. S., Cruz, R. P., Guevarra, D. F., Lanada, M. I. B., Macale, M. J. S., Roque, M. W. I. B., Salonga, F. R., Santos, L. C., & Cabrera, W. C. (2021). A Comparative Analysis on the Challenges of Online Learning Modality and Modular Learning Modality: A Basis for Training Program. *International Journal Of Multidisciplinary Research and Analysis*, 04(04). <https://doi.org/10.47191/ijmra/v4-i4-17>
- Abdullah, H., Saimin, R., & Zainal, S. I. (2021). *Basic Ethics for Online Teaching and Learning: The Islamic Perspective*.
- Abid, T., Zahid, G., Shahid, N., & Bukhari, M. (2021). Online Teaching Experience during the COVID-19 in Pakistan: Pedagogy–Technology Balance and Student Engagement. *Fudan Journal of the Humanities and Social Sciences*, 14(3), 367–391. <https://doi.org/10.1007/s40647-021-00325-7>
- Ackerman, C. E. (2018). *What Is Neuroplasticity? A Psychologist Explains [+14 Tools]*. PositivePsychology.Com. <https://positivepsychology.com/neuroplasticity/>
- Adner, R., Puranam, P., & Zhu, F. (2019). What Is Different About Digital Strategy? From Quantitative to Qualitative Change. *Strategy Science*, 4(4), 253–261. <https://doi.org/10.1287/stsc.2019.0099>
- Aini, D. Z., & Don, D. A. G. (2022). The Implementation of Communication Skills in Da‘Wah. *Hamdard Islamicus*, 45(1), Article 1. <https://doi.org/10.57144/hi.v45i1.276>
- Ametova, O. R., & Mustafoeva, N. I. (2020). The Benefits And Drawbacks Of Online Education For Law Students In Higher Educational Institutions. *Theoretical & Applied Science*, 92(12). <https://dx.doi.org/10.15863/TAS>
- Baltrusaitis, T., Zadeh, A., Lim, Y. C., & Morency, L.-P. (2018). OpenFace 2.0: Facial Behavior Analysis Toolkit. *2018 13th IEEE International Conference on Automatic Face & Gesture Recognition (FG 2018)*, 59–66. <https://doi.org/10.1109/FG.2018.00019>
- Ban, A., Bucur, M., & “George Emil Palade” University of Medicine, Pharmacy, Science and Technology of Tîrgu Mureş. (2023). Non-verbal communication – A study on engineering students. *Professional Communication and Translation Studies*, 13, 57–62. <https://doi.org/10.59168/EGRR9935>
- Barros, P., & Sciutti, A. (2021). *I Only Have Eyes for You: The Impact of Masks On Convolutional-Based Facial Expression Recognition*. <https://doi.org/10.48550/ARXIV.2104.08353>
- Beege, M., Ninaus, M., Schneider, S., Nebel, S., Schlemmel, J., Weidenmüller, J., Moeller, K., & Rey, G. D. (2020). Investigating the effects of beat and deictic gestures of a lecturer in educational videos. *Computers & Education*, 156, 103955. <https://doi.org/10.1016/j.compedu.2020.103955>

- Berweger, B., Born, S., & Dietrich, J. (2022). Expectancy-value appraisals and achievement emotions in an online learning environment: Within- and between-person relationships. *Learning and Instruction*, 77, 101546. <https://doi.org/10.1016/j.learninstruc.2021.101546>
- Bizzi, L., & Labban, A. (2019). The double-edged impact of social media on online trading: Opportunities, threats, and recommendations for organizations. *Business Horizons*, 62(4), 509–519. <https://doi.org/10.1016/j.bushor.2019.03.003>
- Costa Dias, M., Joyce, R., Postel-Vinay, F., & Xu, X. (2020). The Challenges for Labour Market Policy during the COVID-19 Pandemic*. *Fiscal Studies*, 41(2), 371–382. <https://doi.org/10.1111/1475-5890.12233>
- De Boer, J., & Tolboom, J. (2023). Learning Experience of Students: A Framework for Individual Differences Based on Emotions to Design e-Learning Systems. In C. Stephanidis, M. Antona, S. Ntoa, & G. Salvendy (Eds.), *HCI International 2023 Posters* (Vol. 1834, pp. 231–237). Springer Nature Switzerland. https://doi.org/10.1007/978-3-031-35998-9_32
- Dhawan, S. (2020). Online Learning: A Panacea in the Time of COVID-19 Crisis. *Journal of Educational Technology Systems*, 49(1), 5–22. <https://doi.org/10.1177/0047239520934018>
- Djamdjuri, D. S., Suseno, M., Tajuddin, S., Lustyantje, N., & Chaeruman, U. A. (2021). Multimodal Approach in Online EFL Class Using Islamic Learning Materials: Students' Perspective. *International Journal of Language Education*, 5(4), 337. <https://doi.org/10.26858/ijole.v5i4.22495>
- Durac, L. (2020). *Psychological Coordinates of Communication in the Analysis of Dissimulated Behaviour*. 23(1/2020), 68–77.
- Dzarib, M. A. M., & Othman, N. (2021). Pembolehkan Yang Memberi Kesan Kepada Keberkesanan Latihan. *Jurnal Dunia Pengurusan*, 3(3), 15–27.
- Ekman, P. (2016). What Scientists Who Study Emotion Agree About. *Perspectives on Psychological Science*, 11(1), 31–34. <https://doi.org/10.1177/1745691615596992>
- Ezzuddin, E. (2020). *Communication From Islamic Perspective and Its Application In Selected Organization*. https://www.academia.edu/44327628/Communication_From_Islamic_Perspective_And_Its_Application_In_Selected_Organization
- Farooq, F., Rathore, F. A., & Mansoor, S. N. (2020). Challenges of Online Medical Education in Pakistan During COVID-19 Pandemic. *Journal of the College of Physicians and Surgeons Pakistan*, 30(1), 67–69. <https://doi.org/10.29271/jcpsp.2020.Supp1.S67>
- Gu, S., Wang, F., Patel, N. P., Bourgeois, J. A., & Huang, J. H. (2019). A Model for Basic Emotions Using Observations of Behavior in Drosophila. *Frontiers in Psychology*, 10, 781. <https://doi.org/10.3389/fpsyg.2019.00781>
- Ha, S., & So, H.-J. (2023). Examining the Effects of the Utility Value Intervention on Learners' Emotions and Conceptual Understanding in Online Video-based Learning. *Education and Information Technologies*. <https://doi.org/10.1007/s10639-023-11755-z>
- Jabber, K. W., & Mahmood, A. A. (2020). Non-verbal Communication between Two Non-native English Speakers: Iraqi and Chinese. *Theory and Practice in Language Studies*, 10(2), 189. <https://doi.org/10.17507/tpls.1002.06>
- Kamaludin, K., & Sundarasan, S. (2023). COVID-19 and online distance learning in Malaysia: A blessing or a curse? *Frontiers in Education*, 8, 1062219. <https://doi.org/10.3389/educ.2023.1062219>

- Kanchana, J. D., Amarasinghe, G., Nanayakkara, V., & Perera, A. S. (2023). A set of essentials for online learning: CSE-SET. *Discover Education*, 2(1), 14. <https://doi.org/10.1007/s44217-023-00037-y>
- Karima, M. K. (2021). Qaulan: Islamic-Based Learning Communication Model to Improve Students' Character. *Journal of Education and Practice*, 12. <https://doi.org/10.7176/JEP/12-8-04>
- Keynan, O., Brandel, N., & Slakmon, B. (2022). Students' knowledge on emotion expression and recognition in computer-mediated communication: A comparative case study. *Computers & Education*, 189, 104597. <https://doi.org/10.1016/j.compedu.2022.104597>
- Landon-Murray, M., & Anderson, I. (2013). Thinking in 140 Characters: The Internet, Neuroplasticity, and Intelligence Analysis. *Journal of Strategic Security*, 6(3), 73–82. <https://doi.org/10.5038/1944-0472.6.3.7>
- Lee, J., So, H.-J., Ha, S., Kim, E., & Park, K. (2021). Unpacking Academic Emotions in Asynchronous Video-based Learning: Focusing on Korean Learners' Affective Experiences. *The Asia-Pacific Education Researcher*, 30(3), 247–261. <https://doi.org/10.1007/s40299-021-00565-x>
- Liberona, D., Kumaresan, A., Valenzuela, L., Tarazona, G., & Lonhinova, M. (2023). Virtual Campuses with Social Learning Environments: A Future Alternative for Traditional Campuses. In L. Uden & D. Liberona (Eds.), *Learning Technology for Education Challenges* (Vol. 1830, pp. 30–41). Springer Nature Switzerland. https://doi.org/10.1007/978-3-031-34754-2_3
- Lumineau, F., Schilke, O., & Wang, W. (2023). Organizational Trust in the Age of the Fourth Industrial Revolution: Shifts in the Form, Production, and Targets of Trust. *Journal of Management Inquiry*, 32(1), 21–34. <https://doi.org/10.1177/10564926221127852>
- Maqableh, W., Alzyoud, F. Y., & Zraqou, J. (2023). The use of facial expressions in measuring students' interaction with distance learning environments during the COVID-19 crisis. *Visual Informatics*, 7(1), 1–17. <https://doi.org/10.1016/j.visinf.2022.10.001>
- Mata, Á. N. D. S., De Azevedo, K. P. M., Braga, L. P., De Medeiros, G. C. B. S., De Oliveira Segundo, V. H., Bezerra, I. N. M., Pimenta, I. D. S. F., Nicolás, I. M., & Piuvezam, G. (2021). Training in communication skills for self-efficacy of health professionals: A systematic review. *Human Resources for Health*, 19(1), 30. <https://doi.org/10.1186/s12960-021-00574-3>
- Meacham, M. (2023). Your Brain on Change. *Learning To Go*. <https://learningtogo.info/your-brain-on-change/>
- Mokhtar, S., Hajimin, M. N. H. H., Abang Muis, A. M. R., Othman, I. W., Esa, M. S., Ationg, R., & Lukin @ Lokin, S. A. (2021). An Analysis Of Islamic Communication Principles in The Al-Quran. *International Journal of Law, Government and Communication*, 6(23), 140–156. <https://doi.org/10.35631/IJLGC.6230010>
- Octafiona, E., Yusnita, E., & Kesuma, M. el-Khaeri. (2022). The Role of Public Speaking in Islamic Religious Education Learning in the Digital Age. *Al-Tadzkiyyah: Jurnal Pendidikan Islam*, 13(2), Article 2. <https://doi.org/10.24042/atjpi.v13i2.12911>
- Pandey, A. (2023). E-Learning and Education 4.0: Revolution in Education of 21st Century. In S. Motahhir & B. Bossoufi (Eds.), *Digital Technologies and Applications* (669, 431–438). Springer Nature Switzerland. https://doi.org/10.1007/978-3-031-29860-8_44
- Pise, A. A., Vadapalli, H., & Sanders, I. (2022). Estimation of Learning Affects Experienced by Learners: An Approach Using Relational Reasoning and Adaptive Mapping. *Wireless Communications and Mobile Computing*, 1–14. <https://doi.org/10.1155/2022/8808283>

- Puderbaugh, M., & Emmady, P. D. (2023). Neuroplasticity. In *StatPearls*. StatPearls Publishing. <http://www.ncbi.nlm.nih.gov/books/NBK557811/>
- Ridha, M. & Rubino. (2023). Application of Islamic Da'wah Functions in Cartoon Visual Media in Nussa Animation. *Dakwatuna: Jurnal Dakwah Dan Komunikasi Islam*, 9(1), 16–30. <https://doi.org/10.54471/dakwatuna.v9i1.2162>
- Rosli, Mohd. R., Muhamad Don, M. A., Mohd Senin, M. S., Rahmat, N. H., & Ahmad, M. F. (2022). Investigating Online Classroom Interactions in Islamic Related Courses. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 12(10), Pages 609-623. <https://doi.org/10.6007/IJARBS/v12-i10/14605>
- Roudlotul Hikamah, S., . S., Rohman, F., & Kurniawan, N. (2021). Developing Virtual Communication Skills in Online Learning Based on Modified PBL During the Covid-19 Pandemic. *International Journal of Education and Practice*, 9(2), 323–339. <https://doi.org/10.18488/journal.61.2021.92.323.339>
- Sagliano, L., Ponari, M., Conson, M., & Trojano, L. (2022). Editorial: The interpersonal effects of emotions: The influence of facial expressions on social interactions. *Frontiers in Psychology*, 13, 1074216. <https://doi.org/10.3389/fpsyg.2022.1074216>
- Sari, R. K. (2021). Improvement of Knowledge through Effective Communication Training and Soft Skills. *Journal of Hunan University Natural Sciences*, 48(9), <http://jonuns.com/index.php/journal/article/view/721>
- Scheiderer, J. (2020). *What's the Difference Between Asynchronous and Synchronous Learning?* Ohio State Online. <https://online.osu.edu/resources/learn/whats-difference-between-asynchronous-and-synchronous-learning>
- Schlaug, G., Forgeard, M., Zhu, L., Norton, A., Norton, A., & Winner, E. (2009). Training-induced Neuroplasticity in Young Children. *Annals of the New York Academy of Sciences*, 1169(1), 205–208. <https://doi.org/10.1111/j.1749-6632.2009.04842.x>
- Schneider, S., Krieglstein, F., Beege, M., & Rey, G. D. (2022). The impact of video lecturers' nonverbal communication on learning – An experiment on gestures and facial expressions of pedagogical agents. *Computers & Education*, 176, 104350. <https://doi.org/10.1016/j.compedu.2021.104350>
- Supriadi, S., Ronda, M., & Widaningsih, T. (2023). Persuasive Communication through Social Media Study of the Factors Influencing The Effectiveness Of Da'wah Communication Through Youtube Media. *Asian Journal of Engineering, Social and Health*, 2(9), <https://doi.org/10.46799/ajesh.v2i9.133>
- Tahir, M. (2022). *Implementation of The Principles of Islamic Communication In The Digital Era*.
- Tang, K. (2021). *The History of Distance Learning | An Online Education Timeline*. <https://www.worldwidelearn.com/articles/history-of-distance-learning/>
- Tymofiyeva, O., & Gaschler, R. (2021). Training-Induced Neural Plasticity in Youth: A Systematic Review of Structural and Functional MRI Studies. *Frontiers in Human Neuroscience*, 14, 497245. <https://doi.org/10.3389/fnhum.2020.497245>
- Wan Ahmad, W. A., & Fazullah, A. (2022). *Fullpapermdec2020 Emosi dan Komunikasi dlm al-Quran*.
- Wang, C.-A., Baird, T., Huang, J., Coutinho, J. D., Brien, D. C., & Munoz, D. P. (2018). Arousal Effects on Pupil Size, Heart Rate, and Skin Conductance in an Emotional Face Task. *Frontiers in Neurology*, 9, 1029. <https://doi.org/10.3389/fneur.2018.01029>
- Wardati, N. K., & Er, M. (2019). The Impact of Social Media Usage on the Sales Process in Small and Medium Enterprises (SMEs): A Systematic Literature Review. *Procedia Computer Science*, 161, 976–983. <https://doi.org/10.1016/j.procs.2019.11.207>
- Yamada, H., Kobayashi, F., Aoyagi, S., & Yamamoto, M. (2023). A Study on Eye-Region Expression as Naturally Expressed in a Situation of Spontaneously Evoked Emotions. In C. Stephanidis, M. Antona, S. Ntoa, & G. Salvendy (Eds.), *HCI International 2023*

- Posters* (1832, 303–309). Springer Nature Switzerland. https://doi.org/10.1007/978-3-031-35989-7_39
- Yusoff, S. H. (2016). Western and Islamic Communication Model: A Comparative Analysis on A Theory Application. 20–7, 7. *العقري مجلة الثقافة الإسلامية و الإنسانية*, 7. <https://doi.org/10.12816/0029922>
- Zandstra, G. L. (2021). *Why A Micro Content Strategy Works And How Brain Science Supports This Learning Method.* eLearning Industry. <https://elearningindustry.com/why-micro-content-strategy-works-how-brain-science-supports-microlearning-method>
- Zhao, G., Li, X., Li, Y., & Pietikäinen, M. (2023). Facial Micro-Expressions: An Overview. *Proceedings of the IEEE*, 1–21. <https://doi.org/10.1109/JPROC.2023.3275192>
- Zheng, M., Bender, D., & Lyon, C. (2021). Online learning during COVID-19 produced equivalent or better student course performance as compared with pre-pandemic: Empirical evidence from a school-wide comparative study. *BMC Medical Education*, 21(1), 495. <https://doi.org/10.1186/s12909-021-02909-z>
- Zheng, Y., Shang, C., Feng, C., & Yue, H. (2022). An Analysis Method of 5E Online Learning Emotional Experience based on Cloud Model. *2022 International Conference on Intelligent Education and Intelligent Research (IEIR)*, 251–255. <https://doi.org/10.1109/IEIR56323.2022.10050071>